

KEMPEN PENDIDIKAN DAN KESEDARAN EDUCATIONAL AND AWARENESS CAMPAIGNS



KWSP menyediakan saluran komunikasi yang aktif untuk memberikan maklumat terkini berkaitan KWSP kepada pemegang kepentingan, dan untuk mendidik orang ramai mengenai isu-isu persaraan. Kami berkomunikasi secara aktif dengan pihak media untuk menyebarkan maklumat kepada orang ramai, di samping menerbitkan surat berita serta menganjurkan taklimat dan seminar untuk berhubung secara terus dengan ahli dan orang ramai.

SOROTAN MEDIA

Pada 2012, kami mengadakan sesi temu ramah dengan media cetak dan elektronik dan juga menganjurkan enam sesi perbincangan dengan pihak yang berkepentingan. Media tempatan menyiarkan 42 siaran akhbar, 57 artikel dan empat tempatan iklan mengenai KWSP. Sepanjang tahun dilaporkan, kami juga menerbitkan enam Berita KWSP, 12 buletin kualiti online dan empat buletin ahli.

TAKLIMAT AWAM

Pada tahun dikaji, KWSP menganjurkan 20 taklimat di seluruh negara mengenai kepentingan simpanan, keperluan untuk merancang persaraan menerusi pengurusan kewangan asas, dan implikasi simpanan yang tidak mencukupi. Dalam taklimat ini, Jabatan Operasi Strategik KWSP menumpukan kepada tiga topik utama – Reformasi Pencen, KWSP & Skim Penambahbaikan SP1M dan Perancangan Persaraan Asas. Taklimat ini dihadiri oleh kira-kira 1,400 ahli, wakil majikan, individu yang bekerja sendiri, pemegang kepentingan dan organisasi bukan kerajaan (NGO).

RISALAH SIMPANAN PERSARAAN

Untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan pemahaman ahli mengenai simpanan persaraan, KWSP menerbitkan risalah. Simpanan KWSP dan Persaraan Anda. Risalah ini mengandungi lima tajuk – *Cukupkah Simpanan Persaraan Anda?*, *Apakah Kepentingan Mempelbagaikan Sumber Pendapatan Persaraan?*, *Apakah Manfaat Skim KWSP?*, *Apakah 'Simpanan Asas'?* dan *Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia (SP1M)*. Risalah ini telah diterbitkan dalam empat bahasa iaitu bahasa Malaysia, Inggeris, Tamil dan Mandarin.

The EPF maintains an active communication platform to keep stakeholders informed of the latest information regarding the Fund, as well as to educate the public on retirement issues. We liaise actively with the media to disseminate information to the public, while also publishing our own newsletters and organising briefings and seminars to engage directly with members and the public.

MEDIA HIGHLIGHTS

In 2012, we organised interview sessions with the print and electronic media as well as six briefing sessions with other parties with vested interests. The local media carried 42 press releases, 57 articles and four advertising campaigns on the EPF. Over the course of the year, we also published six Berita KWSP, 12 quality online bulletins and four members' bulletins.

PUBLIC BRIEFINGS

During the year, we organised 20 public briefings nationwide on the importance of retirement savings, the need to plan for retirement with basic financial management, and the implications of not saving enough. At the briefings, our Strategic Operations Department focused on three main topics – Pension Reform, EPF & SP1M Improvement Scheme and Basic Retirement Planning. The briefings were attended by approximately 1,400 members, representatives of employers, self-employed individuals, stakeholders and non-governmental organisations (NGOs).

RETIREMENT SAVINGS BROCHURES

To increase members' awareness, knowledge and understanding of retirement savings, the EPF Published a booklet, EPF Savings and Your Retirement. The booklet covered five topics – Are Your Retirement Savings Sufficient?, Why Is It Important to Diversify Your Retirement Income?, What Are the Benefits of EPF Savings?, What is 'Basic Saving'?, and the 1Malaysia Retirement Savings Scheme (SP1M) – the booklet is available in four languages which were in Malay, English, Tamil and Mandarin.

**KEMPEN PENDIDIKAN DAN KESEDARAN
EDUCATIONAL AND AWARENESS CAMPAIGNS**



KEMPEN PENDIDIKAN DAN KESEDARAN EDUCATIONAL AND AWARENESS CAMPAIGNS



MODUL EMPLOYABILITY SKILLS UNTUK KOLEJ VOKASIONAL

KWSP bersama dengan PERKESO, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Kementerian Pelajaran, telah membangunkan modul *Employability Skills* untuk pelajar Kolej Vokasional, yang memberi penekanan akan hak dan tanggungjawab pekerja dan majikan di bawah skim KWSP, PERKESO dan sebagai pembayar cukai. Ia juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada generasi muda dan bakal pekerja akan kepentingan membuat perancangan yang secukupnya untuk hari tua mereka.

Modul ini akan dilaksanakan di 78 Kolej Vokasional di seluruh negara. Pada 5 hingga 7 November 2012, KWSP telah mengendalikan bengkel pertama untuk melatih 30 orang guru daripada 15 Kolej Vokasional yang terpilih. Mereka ini akan menjadi tenaga pengajar bagi modul *Employability Skills* di Kolej Vokasional berkenaan.

SEMINAR ANTARABANGSA KWSP 2012

Pada 2-3 April 2012, KWSP telah menganjurkan seminar bertemakan *Evolusi Dinamik Dunia Pencen* untuk menangani perkembangan terkini dan cabaran yang dihadapi dalam peruntukan pendapatan persaraan. Seramai 350 orang pakar-pakar pencen dan pasaran buruh dalam dan luar negara, pengurus dana dan pembuat dasar awam telah menghadiri seminar ini yang diadakan di Hotel Le Meridien Kuala Lumpur.

Dua belas orang penceramah dalam dan luar negara telah dijemput, termasuk Encik Edward Whitehouse dari Organisasi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan, Encik Hiroshi Yamabana dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Dr. Donghyun Park dari Bank Pembangunan Asia, dan Datuk Latifah Merican Cheong, Penasihat kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

MODULE ON EMPLOYABILITY SKILLS FOR VOCATIONAL COLLEGES

The EPF, together with SOCSO, the Inland Revenue Board of Malaysia and the Ministry of Education, developed an Employability Skills module for students at Vocational Colleges, to reinforce the rights and responsibility of both employees and employers under the EPF scheme, SOCSO and as tax payers. It also aims to expose youth and future workers to the importance of adequate planning for their golden years.

The module is to be implemented in 78 Vocational Colleges nationwide. From 5-7 November 2012, the EPF conducted the first workshop to train 30 teachers from 15 selected Vocational Colleges. They will teach the Employability Skills module at the Colleges.

EPF INTERNATIONAL SEMINAR 2012

On 2-3 April 2012, the EPF hosted a seminar themed Dynamic Evolution of the Pensions World to address the latest developments and challenges in retirement income provision. A total of 350 local and international pension and labour market experts, fund managers and public policymakers attended this seminar held at Le Meridien Hotel Kuala Lumpur.

Twelve international and local speakers were invited, including Mr. Edward Whitehouse from the Organisation for Economic Co-operation and Development, Mr. Hiroshi Yamabana from the International Labour Organisation, Dr. Donghyun Park from the Asian Development Bank, and Datuk Latifah Merican Cheong, Advisor to the Securities Commission Malaysia.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT CORPORATE RESPONSIBILITY

KWSP komited untuk melaksanakan standard tanggungjawab korporat yang tinggi menerusi hubungan dan perkhidmatan kepada masyarakat, selain memberi keutamaan untuk menyediakan suasana kerja yang selesa kepada anggota.

KWSP DALAM KOMUNITI

Kami menumpukan usaha untuk menyediakan peluang pendidikan kepada pelajar yang layak serta meningkatkan pengambilan pekerja dari kalangan siswazah baru. KWSP baru-baru ini telah mula memainkan peranan yang lebih aktif untuk menggalakkan penyelidikan berkaitan isu-isu penuaan sebagai panduan untuk merangka dasar dalam bidang ini.

Program Biasiswa Pelajar Cemerlang

Sebahagian daripada usaha kami untuk memastikan tenaga kerja yang berkualiti di KWSP, kami telah memperkenalkan Program Biasiswa Pelajar Cemerlang KWSP pada 2006 untuk memberi sokongan kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke universiti terulung di luar negara, serta pelajar pra-universiti yang mengikuti pengajian di kolej tempatan. Setakat ini, 15 orang pelajar telah menerima biasiswa kami, lapan daripadanya telah menamatkan pengajian dan berkhidmat dengan KWSP, manakala baki tujuh orang pelajar lagi masih mengikuti program ijazah di UK. Daripada tujuh orang pelajar ini:

- i. Dua orang pelajar sedang mengambil jurusan Sains Aktuari di London Schools of Economics & Political Science;
- ii. Seorang sedang mengikuti program Kejuruteraan Kimia di Imperial College London; dan
- iii. Empat orang lagi sedang mengambil jurusan Ekonomi di University of Cambridge, University of York, University of Warwick dan University College of London.

Skim Latihan Siswazah

Skim Latihan Siswazah selama 12 bulan mula diperkenalkan pada tahun 2006 untuk melengkapkan graduan yang menganggur dengan kemahiran yang akan memudahkan mereka mendapat pekerjaan. Setiap tahun, KWSP mengambil tidak lebih daripada 50 orang siswazah di bawah program ini. Semasa mengikuti latihan, mereka dibenarkan untuk memohon jawatan kosong yang bersesuaian dengan kelayakan mereka seperti yang diiklankan oleh KWSP melalui laman Web KWSP, media sosial atau tempatan. Oleh yang demikian, hanya mereka yang mempunyai latar belakang akademik yang berkaitan dibenarkan untuk mendaftar dengan KWSP.

The EPF is committed to uphold the highest standards of corporate responsibility by engaging with and serving the community while also ensuring its workplace is conducive and staff well-being is given top priority.

EPF IN THE COMMUNITY

Within the community, our efforts are focused on providing educational opportunities for deserving students as well as to boost the employment of fresh graduates. Recently, we have begun to play a more active role in promoting research on issues related to ageing so as to guide policies in this area.

Excellent Student Scholarship Programme

Partly to ensure a quality workforce at the EPF, we introduced the EPF Excellent Scholarship Programme in 2006 to support undergraduates wishing to pursue their studies at premier universities abroad, as well as pre-university students attending local colleges. To date, 15 students have been awarded our scholarships, of whom eight have graduated and are now employed by the EPF, while the remaining seven are still pursuing their Degree programmes in the UK. Of the seven current scholars:

- i. Two are studying Actuarial Science at the London Schools of Economics & Political Science;*
- ii. One is studying Chemical Engineering at Imperial College London; and*
- iii. Four are Economics students at the University of Cambridge, University of York, University of Warwick and University College of London.*

Graduate Training Scheme

The 12-month Graduate Training Scheme was introduced in 2006 to equip unemployed graduates with the necessary skills that can improve their employability. Every year, we take in a maximum of 50 graduates under this programme. The graduates are able to apply for any EPF vacancies advertised on the corporate website, social and local media that suit their qualifications. As such, only those with relevant academic backgrounds are allowed to register with the EPF. Once registered, these graduates are placed at various EPF departments and branches nationwide. Besides monthly allowance, they are given on-the-job training managed by experienced branch managers and officers.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT CORPORATE RESPONSIBILITY

Sebaik sahaja mendaftar, siswazah ini akan ditempatkan di pelbagai jabatan dan KWSP Cawangan di seluruh negara. Selain daripada elaun bulanan, mereka juga diberi latihan semasa bekerja yang diuruskan oleh pengurus dan pegawai yang berpengalaman.

Setakat ini, 46 orang daripada kira-kira 270 orang siswazah yang dilatih di bawah skim ini telah ditawarkan jawatan tetap di KWSP.

Latihan Amali / Program Penempatan Siswazah

KWSP menyokong pembangunan modal insan Malaysia dengan menawarkan program latihan amali dan program penempatan siswazah. Pada tahun 2012, 123 orang pelajar telah ditawarkan latihan di ibu pejabat dan KWSP Cawangan, untuk memberi mereka pendedahan terhadap amalan dan suasana kerja harian, termasuk sistem laporan, serta polisi dan prosedur. Mereka juga diberi tugas untuk meningkatkan pembangunan kerjaya mereka di masa hadapan.

Pengambilan Tenaga Kerja Tempatan

Selain mengiklankan jawatan kosong di laman web KWSP, media sosial dan tempatan, KWSP juga menyertai pameran kerjaya untuk mendapatkan calon terbaik. Buat pertama kalinya pada 2008, KWSP menyertai United Kingdom and Eire Council of Malaysian Students Career Fair (UKEC-GRADUAN Fair), yang diadakan di UK. Sejak itu KWSP telah mengambil bahagian di setiap pameran UKEC-GRADUAN, dan merupakan salah satu organisasi terbesar menyertai pameran kerjaya tahunan itu.

Di Malaysia, KWSP menyertai Karnival Kerjaya Pemuda BN dan MyCareer Fair pada 2011 dan GRADUAN Aspire pada 2012. Daripada 1,617 resume yang diterima semasa Karnival Kerjaya Pemuda BN, 376 resume telah terpilih untuk mengisi beberapa jawatan kosong di KWSP. Di UKEC-GRADUAN Career Fair yang diadakan pada bulan April 2012, seramai 14 orang graduan telah menerima tawaran kerja bersyarat daripada KWSP.

Pengambilan Pesara Angkatan Tentera

KWSP menyokong Program Pengambilan Veteran di bawah Program Pengiktirafan Veteran 1Malaysia dan setakat ini KWSP telah mengambil 11 orang pesara Angkatan Tentera Malaysia sebagai pengawal keselamatan di KWSP.

To date, about 270 graduates have been trained under this scheme, of whom 46 have been offered permanent positions at the EPF.

Internship / Graduate Placement Programmes

The EPF supports Malaysia's human capital growth by offering internships and graduate placement programmes. In 2012, 123 students were offered internships at EPF headquarters and branches, which they were exposed to the day-to-day practicalities of a working environment, including reporting systems, policies and procedures. The interns are also given tasks and assignments that enhance their future career development.

Employment of Local Workforce

Apart from advertising job vacancies on our corporate website and in the local media, the EPF also takes part in career fairs to attract the best candidates. For the first time, in 2008, we participated in the United Kingdom and Eire Council of Malaysian Students Career Fair (UKEC-GRADUAN Fair), held in the UK. We have since participated in every UKEC-GRADUAN Fair, and are one of the biggest organisations at the yearly event.

Locally, the EPF participated in the BN Career Youth Fair and MyCareer Fair in 2011 and GRADUAN Aspire in 2012. Out of 1,617 resumes deposited during the BN Career Youth Fair, 376 resumes were scrutinised for several vacancies. At the UKEC-GRADUAN Career Fair in April 2012, 14 undergraduates received conditional job offers from the EPF.

Employment of Armed Forces Retirees

We support the Veterans Hiring Programme under the 1Malaysia Veterans Recognition Programme and have, to date, hired 11 Malaysian Armed Forces retirees as security guards at the EPF.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT CORPORATE RESPONSIBILITY

Kursi Perlindungan Kewangan Warga Tua di UM

KWSP telah mewujudkan tabung amanah untuk Kursi Perlindungan Kewangan Warga Tua (OAFPC) di Universiti Malaya (UM) dengan dana sebanyak RM28 juta. Tabung ini telah diwujudkan untuk membiayai aktiviti penyelidikan berhubung isu-isu penuaan dan persaraan. Hasil penyelidikan akan dijadikan sebagai input kepada Kerajaan untuk merangka polisi awam berkaitan keselamatan sosial dan persaraan. Bagi menyokong aktiviti OAFPC, Pusat Penyelidikan Keselamatan Sosial ditubuhkan pada bulan Mac 2011 di bawah Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran. Seminar berkaitan sistem pencen global dan bengkel mengenai perancangan kewangan telah dianjurkan untuk orang ramai dan pelajar.

Kempen Penjagaan Kesihatan

KWSP telah melancarkan kempen penjagaan kesihatan di seluruh negara untuk menggalakkan ahli dan orang ramai mengamalkan gaya hidup sihat agar mereka boleh menikmati kehidupan yang selesa selepas bersara. Kempen ini akan diadakan di lima cawangan dalam zon yang berlainan. Selain daripada pemeriksaan kesihatan percuma, orang ramai turut berpeluang untuk mendengar ceramah daripada pakar kesihatan dan menderma darah.

Program Pemeriksaan Kesihatan yang pertama telah dilaksanakan pada 23 Disember 2012 di cawangan KWSP Kuala Terengganu. Sebanyak 41 unit darah telah didermakan oleh anggota KWSP dan juga orang ramai untuk Hospital Sultanah Nur Zahirah. Manakala, baki empat program lagi akan diadakan pada tahun 2013.

Mendekati Masyarakat

Anggota di cawangan KWSP dan kelab telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu masyarakat. Setakat bulan Disember 2012, mereka telah menjayakan lebih 303 aktiviti, antaranya membantu rumah anak yatim dan sekolah secara sukarela, menyumbang kepada golongan miskin dan kurang bernasib baik serta membantu majikan menyediakan maklumat lengkap berkaitan kakitangan mereka untuk tujuan caruman.

Untuk memudahkan lagi orang ramai berurusan dengan KWSP, cawangan KWSP juga menganjurkan pembukaan kaunter di premis pihak ketiga dan menghantar perkhidmatan mobile team ke pelbagai lokasi. Mereka selanjutnya memainkan peranan dalam usaha meningkatkan kesedaran menerusi sesi taklimat kepada syarikat perniagaan dan pemegang kepentingan.

Old Age Financial Protection Chair at UM

The EPF has created an RM28 million endowment fund for the Old Age Financial Protection Chair (OAFPC) at the University of Malaya (UM) to conduct research on issues related to ageing and retirement. Research output will become input for the Government to develop public policy on social security and retirement. To support the OAFPC's activities, a Social Security Research Centre was set up in March 2011 under the Faculty of Economics and Administration. A seminar on global pension system and workshops on financial planning have been carried out for the public and students.

Healthcare Campaign

The EPF launched a nationwide healthcare campaign to encourage members and the public to lead healthy lifestyles so as to enjoy healthy retirements. This campaign, will be held at five branches. Other than free medical check-up, the public would be able also to hear health talks and conduct blood donations.

The first healthcare campaign was held on 23 December 2012 at the Kuala Terengganu branch of the EPF, at which 41 units of blood were collected from EPF staff and members of the public. This was donated to the Hospital Sultanah Nur Zahirah. The remaining four programmes will be held in 2013.

Reaching Out to the Community

Employees at our branches and clubs undertake numerous outreach programmes. As at December 2012, they had initiated more than 303 activities that included volunteering at orphanages and schools, contributing funds to the poor and underprivileged, and assisting employers to provide complete information on their employees for contribution purposes.

Towards providing greater access of the public to the EPF, our branches also organise counter openings at third-party premises and send mobile teams to various locations. They further play their part in creating greater awareness via briefing sessions for companies and other stakeholders.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT CORPORATE RESPONSIBILITY

Membawa Keceriaan ke Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah

Pada 17 Disember 2012, seramai 20 orang pegawai pengurusan kanan KWSP telah mengunjungi Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah (RACTAR), untuk menghulurkan bantuan dan sumbangan yang dikumpulkan menerusi kutipan derma korporat dan individu. Mereka juga membantu membersihkan, mengecat dan membaik pulih beberapa bahagian di rumah tersebut. Di samping itu, pegawai KWSP turut menganjurkan sukaneka untuk penghuni rumah tersebut dan menyampaikan hadiah kelengkapan persekolahan termasuk pakaian seragam, kasut serta alat tulis.

Terletak di Subang Jaya, RACTAR adalah sebuah NGO bukan berasaskan keuntungan yang ditubuhkan pada 19 Jun 1990 untuk menjaga kanak-kanak perempuan dari seluruh Malaysia yang yatim, mangsa keruntuhan keluarga atau berasal dari keluarga yang sangat miskin. Selain tempat berteduh, rumah itu memberikan pendidikan dan latihan kemahiran untuk penghuninya.

INISIATIF TEMPAT KERJA

Kami sedar bahawa pekerja yang bermotivasi adalah penting untuk suasana tempat kerja yang bertenaga dan produktif. Oleh itu, polisi Sumber Manusia KWSP mengambil kira pelbagai keperluan anggotanya – baik pembangunan profesional mereka mahupun kesejahteraan fizikal, sosial dan emosi yang bersifat lebih peribadi.

Latihan & Pembangunan

Program latihan untuk anggota KWSP bertujuan untuk merapatkan jurang kompetensi profesional dan fungsional serta membangunkan kemahiran kepimpinan. Pada tahun 2012, KWSP mempergiatkan inisiatif latihannya, dengan meningkatkan KPI Latihan anggota kepada 42 jam setahun berbanding 18 jam pada tahun 2011. Latihan merangkumi tiga komponen – latihan dalam kelas, e-Learning dan sesi perkongsian ilmu. Pada tahun 2012, sebanyak 98.00% anggota KWSP telah mencapai KPI Latihan yang ditetapkan merangkumi minimum tiga hari (18 jam) latihan dalam kelas dan minimum dua jam e-Learning.

Bringing Cheer to Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah

On 17 December 2012, a team of 20 senior management officers paid a visit to the Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah (RACTAR), to present amenities and funds raised through corporate and individual donations. They also helped to clean, paint and restore parts of the home which were in need of repair. In addition, the EPF officers organised a fun-filled telematch with the children and presented them with back-to-school packs comprising school uniforms, shoes and stationery.

Based in Subang Jaya, RACTAR is a nonprofit NGO established on 19 June 1990 to care for girls from throughout Malaysia who are either orphans, or from broken homes or very poor families. In addition to shelter, the home provides the children with education and skills training.

WORKPLACE INITIATIVES

We realise that a motivated workforce is essential to a vibrant and productive workplace. Hence our Human Resources policies are geared towards looking into the varied needs of our employees – from enhancing their professional development to caring for their physical, social and emotional well-being at a more personal level.

Training & Development

Our employee training programmes are aimed at bridging professional and functional competency gaps as well as developing leadership capabilities. In 2012, we intensified our training initiatives; increasing staff's training KPIs to 42 hours a year as opposed to 18 in 2011. Training comprises three components – classroom training, e-Learning and knowledge sharing sessions. For the year 2012, 98.00% of EPF staff had achieved 42 training hours and fulfilled their training KPI of a minimum three-day (18 hours) course and minimum two hours of e-learning.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT CORPORATE RESPONSIBILITY

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 918 kursus dilaksanakan berbanding 698 kursus pada tahun 2011. Angka ini menunjukkan kenaikan sebanyak 32%. Kursus yang dilaksanakan ini meliputi Kursus Anjuran Institut KWSP (62 sesi), Kursus Jabatan (385 sesi), Kursus Cawangan (333 sesi), Kursus Penghayatan Utamakan Pelanggan (65 sesi) dan Kursus Pelan Penggantian (17 sesi). Institut KWSP juga mengendalikan 56 kursus secara ad-hoc untuk memenuhi pelbagai keperluan organisasi.

Anggota KWSP juga digalakkan untuk mengikuti Kursus Luar Jabatan yang dianjurkan di dalam dan luar Negara. Pada tahun 2012, seramai 758 anggota telah mengikuti kursus ini, dengan 649 anggota mengikuti kursus dalam negeri manakala 109 anggota menyertai kursus di luar negara.

e-Learning

Pada tahun 2012, Institut KWSP menawarkan sebanyak 12 kursus e-Learning dan enam ujian dalam talian kepada semua anggotanya, yang boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Kursus ini adalah berkaitan dengan tugas anggota dan dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman untuk menyokong keperluan tugas di pelbagai jabatan. Daripada 12 kursus e-Learning tersebut, Kursus EPF MAGITs (*Making A Good Impression Techniques*): Panggilan Telefon dan Kesedaran Keselamatan ICT KWSP merupakan modul yang paling popular pada tahun 2012. Seramai 5,160 anggota telah mengikuti kursus-kursus ini.

Pengurusan Ilmu

Pada tahun 2007, portal Pengurusan Ilmu (*Knowledge Management*) yang dikenali sebagai Infoklik telah diwujudkan bagi menyimpan beribu-ribu dokumen yang dikumpulkan daripada semua jabatan di KWSP. Langkah ini adalah untuk menambah baik kaedah pengumpulan maklumat KWSP ditempatkan, disimpan, diakses dan dipindahkan. Infoklik juga bertindak sebagai salah satu saluran komunikasi. Sehingga kini, platform ini telah digunakan untuk menjalankan lebih daripada 100 soal selidik, membangunkan kumpulan berkepentingan yang dinamakan *Communities of Practice* (COPs), dan untuk memusatkan sumber sistem, bagi memudahkan lagi anggota mengakses sistem lain yang digunakan oleh KWSP.

During the year, 918 courses were conducted as compared to 698 courses in 2011, marking an increase of 32%. These courses comprised EPF Institute courses (62 sessions), Department Courses (385 sessions), Branch Courses (333 sessions), Customer Service Programmes (65 sessions) and Succession Planning Courses (17 sessions). The EPF Institute also organised 56 ad-hoc courses to meet the organisation's various requirements.

EPF staff were also encouraged to attend public courses held locally and overseas. For the year 2012, a total of 758 staff had attended such courses, 649 staff attending local courses and 109 staff, overseas courses.

e-Learning

*For the year 2012, we offered 12 e-Learning courses and six online tests to all staff, which are accessible anytime and anywhere. These courses are job related and developed in-house to support the various departments' business needs. Among the 12 e-Learning courses, EPF MAGITs (*Making A Good Impression Techniques*): Phone Calls and EPF ICT Security Awareness were the most popular in 2012, with 5,160 EPF staff accessing these modules.*

Knowledge Management

In 2007, a knowledge management (KM) portal, Infoklik, was established to store the thousands of documents collected from all the EPF's departments. This has improved the way EPF's collective knowledge is located, stored, accessed and transferred. Infoklik also serves as a communication channel. To date, this platform has been used to conduct at least 100 surveys, develop interest groups called Communities of Practice (COPs) and to centralise system resources, making it easier for staff to access other systems used by the organisation.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT CORPORATE RESPONSIBILITY

Kesihatan & Keselamatan

Dalam usaha KWSP menyediakan persekitaran kerja yang sihat dan selamat, semua KWSP Cawangan dengan lebih 40 orang anggota mempunyai Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan masing-masing. Pada masa ini, terdapat 24 Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, yang dianggotai oleh pengurusan dan anggota, yang akan bermesyuarat secara tetap bagi membincangkan perkara keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di Ibu Pejabat memantau pelaksanaan dasar keselamatan dan kesihatan di ibu pejabat dan semua KWSP Cawangan dan membawa isu-isu berkaitan yang dibangkitkan kepada pihak pengurusan.

Aktiviti/program keselamatan dan kesihatan seperti seminar, kempen derma darah, kempen keselamatan dan kesihatan juga telah dijalankan sepanjang tahun 2012.

Keseimbangan Kerja dan Kehidupan

Untuk menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan setiap anggota, KWSP menggalakkan anggotanya supaya meluangkan masa yang secukupnya bersama keluarga mereka dengan menetapkan lima hari bekerja dalam seminggu. KWSP juga menggalakkan keseimbangan antara kerja dan kehidupan dengan menjemput keluarga mereka ke acara seperti makan malam tahunan, hari keluarga dan malam penyampaian anugerah. Dalam usaha untuk menjamin kebajikan kakitangan, KWSP memberi subsidi tempat meletak kereta dan menggalakkan aktiviti fizikal dengan menawarkan keahlian kelab dan penggunaan gimnasium. Kelab KWSP merupakan pusat kegiatan sukan dan rekreasi. Manakala di KWSP Cawangan, pelbagai sesi untuk membina semangat berpasukan telah dijalankan untuk mengukuhkan perpaduan dan kesetiaan terhadap KWSP.

Kebajikan Anggota

KWSP menyediakan pelbagai manfaat yang komprehensif untuk semua anggotanya, daripada gaji asas yang sangat kompetitif sehingga ke pinjaman perumahan, kereta dan peribadi. Selain cuti tahunan dan cuti sakit, KWSP turut memberi kemudahan cuti berkahwin, cuti bersalin, cuti isteri bersalin, cuti untuk menunaikan Haji, cuti belajar dan cuti ihsan. Anggota KWSP juga boleh memohon cuti tanpa gaji dan cuti tanpa rekod.

Health & Safety

In our efforts to provide a safe and healthy work environment, all branches with more than 40 employees have Safety and Health Committees. Currently, there are 24 Safety and Health Committees comprising management and employees, who meet regularly to discuss workplace safety and health. The Safety and Health Committee at Headquarters monitors the implementation of safety and health policies in Headquarters and EPF branches as well, and raises relevant issues to the management.

Safety and health activities/programmes such as seminars, blood donation campaigns, and safety and health campaigns were conducted in year 2012.

Work-Life Balance

Towards optimising the well-being and fulfillment of each employee, we encourage staff to spend sufficient time with their families by having a five-day work week. We also promote work-life balance by welcoming their families to functions such as our annual dinners, family days and awards nights. To further ensure employee welfare, we provide subsidised parking and promote physical activity by offering club membership and the use of a gymnasium. The EPF Club itself is a hub of sporting and recreational activities. Meanwhile at our branches, various team-building sessions are carried out to increase the sense of belonging to the EPF.

Employee Welfare

We provide a comprehensive range of benefits for all staff, from basic salaries which are very competitive, to housing, car and personal loans. In addition to annual leave and sick leave, we provide marriage leave, maternity leave, paternity leave, Hajj leave, study leave and compassionate leave. Employees may also apply for unpaid leave and unrecorded leave.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT CORPORATE RESPONSIBILITY

Sebagai sebuah organisasi yang prihatin, KWSP membayar Khairat Kematian untuk membantu keluarga anggota yang meninggal dunia, dan memberi bantuan bagi meringankan beban kepada anggota yang ditimpa bencana alam. KWSP juga menawarkan manfaat perubatan yang komprehensif untuk anggota dan ahli keluarga mereka.

Kaunseling Anggota

Seramai 75 pegawai KWSP telah dilatih dan ditauliahkan sebagai Rakan Pembimbing oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Pegawai yang terlibat akan memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada semua anggota apabila diperlukan. Setakat Disember 2012, sejumlah 164 kes kaunseling telah dilaporkan, dengan 150 kes melibatkan anggota yang memohon bantuan daripada Rakan Pembimbing manakala baki 14 kes dirujuk kepada Rakan Pembimbing oleh Penelia atau Ketua Jabatan mereka.

KWSP juga memperkenalkan portal e-Kaunseling pada bulan Mei 2012, sebagai usaha untuk menyediakan saluran kepada anggota untuk mendapatkan khidmat nasihat dalam talian. Portal ini menyediakan pautan kepada forum kaunseling, jurnal psikologi, serta petua mengenai kesihatan peribadi, dan kerjaya.

Sepanjang tahun ini, Unit Kaunseling & Psikologi telah mengendalikan:

- Satu Kursus Pembangunan Modal Insan untuk anggota dari Bahagian Penguatkuasaan seluruh Malaysia
- Dua Kursus Asas dan Pertengahan Untuk Rakan Pembimbing
- Satu Kursus Pembangunan Diri Berkelompok untuk anggota bukan eksekutif
- Lima sesi perkongsian ilmu berkaitan isu-isu motivasi dan budaya kerja cemerlang
- Satu Kursus Kesedaran Kaunseling Untuk Ketua Jabatan
- Satu Kursus Spiritual Emotional Freedom Technique (SEFT) untuk Rakan Pembimbing
- Dua siri ceramah Motivasi dan Budaya Kerja Cemerlang
- Tiga siri ceramah Individu Cemerlang Organisasi Terbilang

As a caring organisation, we provide a Compassion and Bereavement Payment to assist the families of employees who passed away, and a disaster relief payment for employees affected by natural disasters. We also have a comprehensive range of medical benefits for employees and their family members.

Staff Counseling

Seventy five EPF officers have been trained and certified as Helpers by the Public Service Department (JPA) and Universiti Utara Malaysia (UUM). The appointed Helpers provide guiding and counseling services to all employees whenever required. As at December 2012, a total of 164 counseling cases have been received, of which in 150 cases where the employees sought assistance from the Helpers while the remaining 14 cases, were referred to the Helpers by their Supervisors or Head of Departments.

The EPF also introduced an e-Counseling portal in May 2012, providing a platform for employees to get advice online. The portal provides links to a counseling forum, psychology journals, and tips on personal health, career and others.

During the year, the Counseling and Psychology Unit conducted:

- *One Human Capital Development Courses for Enforcement Staff*
- *Two Basic and Intermediate Courses for Helpers*
- *One Group Individual Development Course for non executive staff*
- *Five knowledge sharing sessions related to motivational issues and an excellent work culture*
- *One Counseling Awareness Course for Heads of Department*
- *One Spiritual Emotional Freedom Technique (SEFT) course for Helpers*
- *Two series of Motivational and Excellent Work Culture Talks*
- *Three series of Talks on Individual Excellence towards Organisational Excellence*

TANGGUNGJAWAB KORPORAT
CORPORATE RESPONSIBILITY

Hubungan dengan Kesatuan

Untuk mengekalkan keharmonian persekitaran kerja, komunikasi secara terbuka amat digalakkan bukan sahaja antara pegawai atasan dan anggota bawahan, tetapi juga turut membabitkan pihak pengurusan. Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan diadakan setiap tiga bulan dan dihadiri oleh pihak pengurusan, Persatuan Pegawai Kanan KWSP dan Kesatuan Kakitangan Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, termasuk dari Sabah dan Sarawak. Isu-isu berkaitan pembangunan kerjaya, manfaat persaraan, keseimbangan kerja dan kehidupan dan insurans seringkali dibangkitkan untuk perbincangan dan pertimbangan.

Program Pra-Persaraan KWSP

Pada bulan Disember 2011, KWSP melancarkan program pra-persaraan bersama Institut KWSP sebagai usaha menyediakan anggotanya untuk memasuki alam persaraan. Seramai 79 orang anggota daripada 147 orang yang berusia 55 tahun dan ke atas telah mengikuti program ini pada 2012 yang memberi tumpuan kepada perancangan kewangan, penjagaan kesihatan, agama, keluarga dan persekitaran hidup yang kondusif ke arah persaraan yang mampan.

Relationship with the Union

In order to maintain a harmonious working environment, open communication is encouraged not only between superiors and subordinates but also involving the management team. Interim Joint Council meetings are held once every three months which are attended by the management, EPF Senior Officer Association and members of the Employees Provident Fund Board Staff Union, unions' representatives including those from Sabah and Sarawak. Issues on career development, retirement benefits, work-life balance and insurance are raised for discussion and deliberation.

EPF Pre-Retirement Programme

In December 2011, we launched a pre-retirement programme together with the EPF Institute to better prepare our staff for a meaningful retirement. A total of 79 staff from 147 employees aged 55 years and above as of 2012 have undergone this programme. The programme focuses on financial planning, healthcare, religion, family and conducive life environment towards sustainable retirement.